

Headline	Nelayan pantai dinasihat tak turun ke laut		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	6
ArticleSize	124 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,498		



Nelayan pantai dinasihat tak turun ke laut

Kuantan: Walaupun banjir kian pulih, kira-kira 4,000 nelayan pantai di Pahang yang menggunakan bot kecil, tetap dinasihat mengelak daripada ke laut berikutan cuaca masih tidak menentu ketika ini.

Ia berikutan Jabatan Meteorologi meramalkan hujan lebat dan ribut petir berterusan di perairan Pahang terutama di kawasan pantai sehingga Ahad ini bersama angin kencang berkelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter yang boleh mengancam keselamatan nelayan.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Adnan Hussin, berkata sebagai langkah keselamatan, pihaknya turut memasang bendera merah di jeti perikanan Padang Lalang, di sini untuk makluman mengenai keadaan di laut, selain menasihatkan nelayan mendapatkan maklumat terkini cuaca daripada Jabatan Meteorologi dan Jabatan Perikanan sendiri.

“Jika perlu juga ke laut, lebih baik secara berkumpulan kerana andai berlaku kejadian tidak diingini, boleh dibantu dengan lebih pantas,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Di **Seremban**, Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata bekalan elektrik yang terjejas akibat banjir di Pahang, dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh empat hari lagi, manakala masalah sama di Kelantan, Terengganu dan Johor, sudah pun diatasi.

“Seramai 859 pengguna di Maran, Jengka, Lipis, Muadzam, Pekan dan Triang, masih terputus bekalan elektrik. Bekalan ke 17 pencawang atau sistem pembekal voltan rendah pula terpaksa dimatikan atas faktor keselamatan, namun kita bekerja keras memulihkannya,” katanya.

Bercakap kepada media selepas melawat projek rangkaian paip pembetulan Kuala Sawah di Taman Desa Dahlia, semalam, beliau berkata, elektrik ke kawasan terjejas dibekalkan menerusi jana kuasa bergerak yang membabitkan kos RM3.86 juta.